

DATE: 2 / 3 / 2008

Jangan meragui BN

Oleh NOR AZIAH JAAFAR
dan WAN RAMLI WAN MUHAMAD

KUALA TERENGGANU 1 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat Terengganu tidak perlu ragu-ragu memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) untuk terus menerajui pemerintahan negeri ini supaya pembangunan yang lebih hebat dapat dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan BN Terengganu sejak empat tahun lepas, tidak akan terhenti setakat ini sahaja.

Sebaliknya ujar beliau, dengan kesungguhan, kemampuan dan semangat BN yang kekal hingga ke hari ini, pembangunan di negeri ini akan dapat diperbanyakkan dan ditambah nilai.

Beliau percaya rakyat Terengganu masih ingat keadaan di negeri ini semasa pemerintahan Pas dahulu dan kini mereka mahu banyak kemajuan serta nikmat pembangunan dibawa ke negeri Pantai Timur itu.

"Ini jejak kejayaan sejak empat tahun pemerintahan BN di Terengganu yang mendapat sokongan kuat rakyat. Saya percaya rakyat dapat melihat bukti kejayaan di Terengganu di bawah BN yang jauh lebih baik semasa Pas memerintah.

"Maka, adalah menjadi hasrat saya supaya kesungguhan dan keupayaan ini diperkuatkan lagi dengan sokongan rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-12," ujarnya semasa berucap pada majlis perjumpaan bersama rakyat di Dataran Batu Burok di sini yang dihadiri oleh lebih 15,000 rakyat negeri ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, pemimpin-pemimpin UMNO negeri serta calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Burok, Senator Nordiana Shafie.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira melihat rakyat Terengganu kini sudah boleh tersenyum dan ceria menikmati segala pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan BN.

"Walaupun ada pihak yang mempertikai pembangunan yang dilaksanakan seperti pembinaan Taman Tamadun Islam (TTI) dan kejohanan Piala Monsun, namun projek berkenaan terbukti berjaya menarik kedatangan pelancong sekali gus membuka peluang ekonomi iaitu perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

Abdullah berkata, pembinaan TTI sendiri memberi peluang kepada tukang-tukang seni dari Terengganu untuk menunjukkan kehandalan mereka dalam bidang ukiran dan tulisan khat yang boleh dieksport kepakarannya ke negeri lain, malah luar negara melalui syarikat yang ditubuhkan.

Selain faedah ekonomi daripada perniagaan, tegasnya, pembinaan TTI juga adalah untuk memperlihatkan keagungan Islam

UM - 2/3/2008
Saya percaya rakyat dapat melihat bukti kejayaan di Terengganu di bawah BN yang jauh lebih baik semasa Pas memerintah

- Abdullah Ahmad Badawi

supaya persepsi negatif seperti kemunduran dan keganasan yang dikaitkan dengan agama tersebut dapat diubah.

Menurut Perdana Menteri, satu aspek pembangunan yang dicapai dalam tempoh singkat pemerintahan BN di Terengganu adalah pembinaan bandar pendidikan yang menempatkan universiti dan kolej untuk melahirkan modal insan yang mampu melaksanakan pembangunan yang dirancang walau sebesar mana pun.

Beliau membandingkan pembangunan yang dilaksanakan oleh BN Terengganu dengan sikap kerajaan Pas di Kelantan yang tidak mahu kemajuan besar dilaksanakan di negeri itu kerana berpendapat ia akan membawa masalah seperti kenaikan harga yang akan menyusahkan rakyat.

"Sebaliknya, pemimpin mereka kata boleh mengumpat. Saya tidak faham dengan pandangannya. Pelik sangat. Mengapa jadi be-

gitu? Ia merugikan bangsa dan negara.

"Tetapi itulah keadaan sebenar Pas kerana pemimpin mereka adalah 'tok guru', mereka kekal memerintah dengan kemampuan yang terhad, tidak boleh membawa kemajuan," ujarnya.

Sementara itu, ketika bercakap selepas merasmikan Multaqa Agamawan Negeri Terengganu 2008 Perdana Menteri melahirkan keyakinan rakyat negeri ini tidak akan mengulangi peristiwa 1999 apabila BN ditumbangkan.

Menurutnya, walaupun berlaku sedikit penentangan terutama di kalangan ahli-ahli UMNO berikutan pemilihan calon baru-baru ini, namun selepas mengambil kira pembangunan yang hendak diteruskan di Terengganu, mereka akhirnya menerima keputusan yang dibuat demi kelangsungan pemerintahan BN.

"Memang pada awalnya mereka tidak berpuas hati tetapi hari ini saya gembira, saya ada

jumpa dengan mereka, kawan-kawan saya juga ada yang menceritakan mereka pada mulanya tidak menerima keputusan itu.

"Tetapi mereka adalah ahli parti dan inginkan kemajuan, dulu kita lihat ada penentangan tetapi sekarang sudah berubah dan ini satu bukti jelas orang UMNO memang sayangkan parti," ujarnya.

Menurut Abdullah, perasaan tidak puas hati atau perbalahan semasa proses penamaan calon merupakan suatu fenomena biasa yang sering berlaku setiap kali pilihan raya diadakan.

Perdana Menteri menyifatkan empat tahun pemerintahan BN di negeri ini sejak 2004 adalah sangat berjaya dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan termasuk infrastruktur dan pendidikan.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa BN merancang membawa 85,000 pengundi hantu ke Terengganu dan Kelantan, Perdana Menteri menjelaskan, jika ada rakyat kedua-dua negeri itu yang pulang pada hari mengundi, mereka adalah golongan yang ingin menunaikan tugas jawab bukannya pengundi hantu.

"Mereka adalah pengundi berdaftar, malah mereka yang tinggal di England sekalipun boleh pulang mengundi... apa sa lahnya mereka kembali ke negeri asal untuk mengundi," tegasnya.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyaksikan penyerahan manifesto Kelantan yang diletakkan di atas dulang oleh Dr. Awang Adek Hussin (kanan) kepada Dr. Noordin Razak sambil disaksikan oleh Annur Musa (dua dari kanan) pada Perhimpunan Anak-Anak Kelantan di Perantauan di Stadium Juara Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.